

29 JAN 2001

Mahathir-Buku

BUKU MAHATHIR VERSI ARAB AKAN DITERBITKAN DI UAE

Oleh: Shakir Husain

ABU DHABI, 29 Jan (Bernama) -- Edisi bahasa Arab buku "A New Deal for Asia" Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diterbitkan di Emiriah Arab Bersatu (UAE) bulan depan.

Buku itu akan dilancarkan dengan kerjasama Yayasan Kebudayaan Abu Dhabi pada 10 Feb, Duta Malaysia Datuk Syed Hussain Al Habshee memberitahu pemberita di sini pada Sabtu.

Akhbar Arab "Al Bayan" yang berpejabat di Dubai telahpun menyiarkan petikan-petikan daripada buku itu.

"Dalam istilah yang mudah Dr Mahathir memberitahu bagaimana Malaysia berupaya mengatasi krisis kewangan di Asia Timur. Ia merupakan pengalaman yang mahu dikongsi Malaysia dengan negara-negara rakan dan bersaudara," kata Syed Hussain.

Satu delegasi dari pejabat Perdana Menteri yang diketuai pegawai khas kepada Perdana Menteri Datuk Hashim Makaruddin akan menghadiri majlis pelancaran buku itu.

Pengumuman itu dibuat pada satu persidangan berita yang diadakan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob pada akhir lawatan rasminya ke UAE.

Adnan, yang mengetuai rombongan perniagaan dari Pahang, mengadakan perbincangan dengan para pegawai tinggi dewan perniagaan dan perindustrian di Sharjah, Dubai dan Abu Dhabi dan menggesa ahli perniagaan kedua-dua negara supaya bertukar-tukar lawatan untuk meninjau bidang pelaburan dan projek usahasama.

Beliau memuji pemodenan yang dicapai oleh UAE. "Saya mahu melahirkan rasa ketakjuban saya melihat kemajuan pesat yang begitu terancang di UAE.

"Ini merupakan satu pencapaian yang patut dibanggai rakyat UAE. Kami boleh banyak belajar daripada UAE. Bandar-bandar di sini disenggara dengan baik dan bersih," katanya.

Beliau mengumumkan bahawa satu delegasi dari Pahang akan menyertai satu persidangan antarabangsa alam sekitar yang dianjurkan di sini pada 4 hingga 8 Feb.

Adnan juga berkata keajaiban ekologi yang dimiliki Pahang menjadikannya pilihan terbaik tempat percutian bagi keluarga dan individu dari UAE dan negara teluk lain.

-- BERNAMA

SKH ZS RON